

24 JUL 1997

RINGGIT ATASI PARAS RINTANGAN 2.64, KEMUDIAN 2.66

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 24 Julai (Bernama) -- Ringgit, yang telah tertekan akibat pengukuhan dolar AS di seluruh dunia sejak minggu lalu, menjunam ke paras paling rendah terbaru 2.6500 "setakat ini tahun ini," kata para peniaga.

Ringgit jatuh kira-kira 150 mata pada awal dagangan pagi ini apabila dibandingkan dengan penutup semalam 2.6350/00 walaupun ada jaminan daripada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bahawa kerajaan akan mengkaji langkah-langkah yang mungkin diambil dalam memerangi aktiviti-aktiviti spekulatif terhadap ringgit.

Mesyuarat semalam antara Perdana Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Kewangan, Bank Negara dan ketua-ketua pegawai eksekutif beberapa buah bank, tidak berjaya menaikkan sentimen di dalam pasaran yang sudahpun lemah, kata seorang peniaga.

Setelah melepasi paras rintangannya 2.6470, para peniaga merasakan bahawa rintangan akan datang bagi ringgit adalah sekitar paras 2.6600.

Bagaimanapun, sebelum waktu makan tengah hari, ringgit kelihatan pulih untuk berlegar sekitar paras 2.6400 kerana aktiviti pengambilan untung apabila para peniaga menjadi gementar menjelang mesyuarat tokoh-tokoh bank pusat Asia di Shanghai esok.

Gabenor-gabenor bank pusat daripada seluruh dunia akan bermesyuarat untuk membincang, antara lain, kejatuhan matawang-matawang di Asia Tenggara.

Pada pukul 3.00 petang, ringgit berada pada 2.6245/55. Ia telah bergerak setinggi 2.6370 dan serendah 2.6550 hari ini. Sepanjang masa itu ia telah berlegar sekitar paras 2.64 level.

Pada urusan pagi, terdapat permintaan besar untuk dolar AS daripada pusat-pusat luar pesisir, terutamanya dari Singapura dan Hong Kong.

"Kami masih menunggu Bank Negara untuk campur tangan di pasaran pada paras 2.66. Khabar-khabar angin mengenai campur tangan telah berada di pasaran sejak semalam," kata sumber-sumber perbankan di sini hari ini.

Katanya keadaan kini amat tidak menentu, sambil menambah bahawa "kami tidak tahu serendah mana ringgit akan turun. Pergerakan begitu keras sehingga ringgit mungkin malahan turun di bawah paras 2.70".

Bagaimanapun, katanya tokoh-tokoh bank masih mempertahankan pendapat mereka bahwa bank pusat tidak akan membiarkan ini berlaku kerana ia akan menjejaskan negara secara menyeluruh.

Walaupun ketiadaannya di pasaran, Bank Negara dilaporkan menjalankan kawalan biasa sejak minggu lalu.

Adalah dikhabarkan bahawa bank pusat mengawasi pasaran pada paras 2.65 Selasa lalu melalui agen-agen.

Sumber itu menambah bahawa urusan pagi begitu amat tidak menentu dan orang masih melihat bahawa matawang-matawang Asia Tenggara berada pada paras bahaya, terutamanya ringgit.

Peso Filipina dan baht Thai juga terus terjejas teruk dengan bank-bank membeli lebih banyak dolar untuk melindungi kedudukan mereka.

Sumber itu menyebut bahawa baht berada pada paras rekod paling rendah di pasaran baht di dalam negeri pada awal dagangan, jatuh kepada 32.63 berbanding dolar.

"Kelemahan baru-baru ini mencerminkan kebimbangan terhadap ekonomi dan mudahtunai dan kini terdapat kekurangan keyakinan terhadap baht dan permintaan dolar telah melonjak," tambahnya. -- BERNAMA

AA FR OS